

01 AUG 2002

LID-CLUB 29/I

CLUB 29 AKAN MULAKAN PERBINCANGAN UNTUK ANALISIS MAKLUM BALAS

LANGKAWI, 1 Ogos (Bernama) -- Kumpulan usahawan, usahawan tekno dan profesional muda yang dikenali sebagai Club 29, akan memulakan siri perbincangan sesama mereka bagi menganalisis secara mendalam maklum balas daripada ketua-ketua kerajaan pada Dialog Antarabangsa Langkawi Global 2002 (Global 2002) yang bermula hari ini, dalam tempoh enam bulan.

Global 2002 turut menggabungkan Dialog Antarabangsa Afrika Selatan (SAID) dan Dialog Antarabangsa Timur Afrika (EAID).

Ahmed Izham Khairuddin, pengurus keahlian dan perhubungan awam Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MiGHT), berkata Club 29 dan ketua-ketua kerajaan hari ini membincangkan pelbagai isu yang kemudiannya dibataskan kepada bidang kritikal yang perlu ditangani.

Isu-isu yang dibincangkan termasuk keberkesanan perkongsian pintar, penyertaan negara-negara membangun dalam usaha sama yang merapatkan jurang pembangunan, pembangunan bidang ekonomi teras dan menyelesaikan peperangan dan konflik yang berlarutan.

Club 29 ditubuhkan pada 29 Feb 2000 hasil mesyuarat antara Perkongsian Komanwel bagi Pengurusan Teknologi (CPTM) dan MiGHT.

Pengerusi Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa Malaysia (ISIS), Tan Sri Dr Noordin Sopiee menjadi fasilitator perbincangan. Dialog itu bertujuan mengenal pasti peranan kelab usahawan muda itu dalam perniagaan, politik dan perkongsian pintar di negara-negara yang mengamalkan konsep perkongsian pintar.

Club 29 yang belum dilancarkan secara rasmi, merupakan kumpulan usahawan muda yang mengkaji konsep perkongsian pintar.

Ahmed Izham berkata perbincangan itu juga memastikan supaya Club 29 memainkan peranan penting dalam meneruskan promosi falsafah perkongsian pintar yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada LID 1995.

Dalam temubual sebelum itu, Dr Noordin berkata: "Dialog itu bertujuan memutuskan masa depan mereka (Club 29) -- sebuah pertubuhan atau satu proses atau hanya rangkaian kumpulan, apa yang dikehendaki daripada Club 29, siapa sepatutnya menjadi ahli dan apa yang perlu mereka lakukan."

Beliau berkata anggota Club 29 yakin mereka merupakan pemimpin masa depan dan mahu menjalin rangkaian yang lebih rapat sesama mereka walaupun latar belakang dan budaya yang berbeza.

-- BERNAMA

AFY MFZ SHY TS LAT